

20 MAY 2003

SAYA AKAN TERUSKAN DASAR-DASAR KERAJAAN - ABDULLAH

PASIR GUDANG, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau akan meneruskan dasar-dasar yang telah diputuskan kerajaan apabila menerajui kepimpinan kerajaan kelak.

Timbalan Perdana Menteri berkata dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan sekarang telah diputuskan oleh jemaah menteri dengan beliau adalah seorang daripada anggotanya.

Bagaimanapun, katanya terdapat juga dasar-dasar kerajaan yang perlu diubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan atau keperluan negara.

"Apa sahaja dasar yang hari ini menjadi keputusan negara, kita akan ikuti tetapi sebagaimana yang kita tahu dasar-dasar juga mungkin berubah.

"Semuanya bergantung kepada keadaan dan keperluan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pelabuhan Tanjung Langsat di sini, hari ini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam tentang keyakinan beliau bahawa penggantinya akan meneruskan dasar-dasar kerajaan walaupun selepas beliau bersara pada Oktober ini.

-- BERNAMA

MHI MNY AHH NAK